

Berita Harian

4 February 2019



[FOTO BERNAMA]

Kamaruzzaman (tiga dari kiri) bersama Zulkifly (dua dari kiri) melihat contoh bahan baja yang dihasilkan daripada sawit selepas merasmikan pembukaan kompleks R&D Pusat Agro Teknologi Kulim.

Dengan adanya kompleks ini secara tidak langsung akan membantu Kulim mengembangkan bidang penyelidikan, bukan sahaja memberi fokus kepada tanaman kelapa sawit, bahkan juga tanaman lain seperti kelapa dan nanas”

**Kamaruzzaman
Abu Kassim,**
Presiden dan Ketua
Eksekutif JCorp

JCORP labur dalam R&D pertanian

Johor Corporation (JCorp) menerusi anak syarikatnya, Kulim (Malaysia) Bhd (Kulim), melancarkan pembukaan kompleks penyelidikan dan pembangunan (R&D) Pusat Agro Teknologi Kulim membabitkan kos pembangunan keseluruhan berjumlah RM20 juta.

Pusat Agro Teknologi Kulim yang dibina di atas kawasan seluas 2.87 hektar dan sudah beroperasi sepenuhnya pada suku ketiga tahun lalu itu adalah selaras

dengan aspirasi Kerajaan Johor untuk membudayakan sains dan teknologi serta mencipta nilai baharu dalam R&D.

Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim, berkata kompleks berkenaan akan menempatkan lima bahagian operasi iaitu biak baka tanaman, kultur tisu, makmal kimia, genomik dan mikrobiologi serta pentadbiran agronomi dan khidmat nasihat.

“Dengan adanya kompleks ini secara tidak langsung akan membantu Kulim mengembangkan bidang penyelidikannya, bukan sahaja memberi fokus kepada tanaman kelapa sawit, bahkan juga tanaman lain seperti kelapa dan nanas.

Industri sawit berdaya saing
“Impak R&D ini akan menghasilkan buah tandan kelapa sawit yang segar dan kandungan minyak

yang tinggi sekali iaitu kini sekitar empat tan (minyak) sehektar kepada tujuh sehingga sembilan tan sehektar dengan mengekalkan keluasan ladang yang sama,” katanya di Kota Tinggi, semalam.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Kulim, Zulkifly Zakariah, berkata pembinaan kompleks R&D itu menunjukkan komitmen Kulim dalam memastikan pembangunan industri sawit lebih berdaya saing dan mampan.

“Kami berharap, pembinaan kompleks ini menjadi titik tolak untuk Kulim terus meneroka pelbagai bidang kajian bagi penambahbaikan hasil keluaran kami seperti genetik molekul dan teknologi mikrob,” katanya.

Reka bentuk Pusat Agro Teknologi Kulim adalah inspirasi daripada pohon pokok kelapa sawit yang menjadi simbol kepada perniagaan utama Kulim iaitu perdagangan sawit.